

METODOLOGI DAKWAH TERHADAP GOLONGAN LESBIAN, GAY, BISEKSUAL DAN TRANSGENDER (LGBT)

Noor Hafizah Haridi
Kamal Azmi Abd. Rahman
Rosni Wazir

Abstrak

Dakwah adalah satu program yang terancang dan boleh membawa kepada pengamalan dan penghayatan Islam dalam diri seseorang individu. Dalam Islam, dakwah adalah satu tanggungjawab yang disarankan dilaksanakan oleh setiap orang Islam sama ada secara individu atau secara kolektif. Dalam menangani isu berhubung golongan lesbian, gay, biseksual dan transgender (LGBT), peranan pendakwah adalah amat penting untuk membuktikan bahawa Islam mampu dan boleh menyelesaikan pelbagai masalah sosial. Penumpuan utama artikel ini adalah untuk melihat metodologi dakwah terhadap golongan LGBT di Malaysia. Kajian ini adalah berbentuk kualitatif dengan menggunakan reka bentuk temubual dan analisis dokumen. Kajian mendapati terdapat lima metodologi dakwah yang sesuai digunakan bagi kumpulan LGBT iaitu metodologi dakwah *bi al-hal*, hiburan, pembinaan sosial, pendekatan psikologi dan pembangunan sahsiah. Oleh yang demikian, menyantuni kumpulan komuniti ini merupakan teras dalam konteks pelaksanaan metodologi dakwah terhadap golongan LGBT.

Kata Kunci: Metodologi dakwah, Lesbian, Gay, Biseksual, Trangender (LGBT), Pertubuhan Amal Firdausi (PAFI)

Pendahuluan

Lesbian, Gay, Biseksual, Trangender (LGBT) pada waktu ini sudah mempunyai jaringannya di seluruh dunia. Melalui jaringan ini, mereka mudah untuk mempromosikan agenda-agenda mereka dan saling bertukar maklumat. Jaringan LGBT juga sudah terbentuk di Malaysia dan terus berkembang di dalam kehidupan masyarakat melalui pembentukan kumpulan-kumpulan NGO yang aktif memperjuangkan hak LGBT. Walaupun cara hidup dan tuntutan kumpulan tersebut bertentangan dengan prinsip Islam dan norma kehidupan masyarakat yang normal, kegiatan LGBT terus berkembang dalam kehidupan masyarakat kini. Salah satu pendekatan yang terbaik bagi mengawal penularan dan percambahan jaringan LGBT terutamanya di kalangan umat Islam di Malaysia ialah melalui aktiviti dakwah. Oleh yang demikian, setiap pendakwah seharusnya peka dengan maklumat mengenai perkembangan LGBT dan memahami metode-metode yang sesuai digunakan dalam aktiviti dakwah agar mesej dakwah yang ingin disampaikan benar-benar diterima oleh mad'u, golongan LGBT.

LGBT Menurut Pandangan Islam

Islam adalah agama yang tertatur dan sistematik. Ia menyusun cara hidup manusia dengan sebaik-baik aturan, sama ada melibatkan hubungan manusia dengan Allah Taala atau hubungan manusia dengan manusia yang lain. Praktikal hukum Islam yang telah ditentukan oleh Allah Taala ini, secara jelas adalah untuk masalah ummah, mengajak kepada kebaikan dan menolak sebarang bentuk kemungkar. Allah s.w.t sebagai pencipta Yang Satu telah menetapkan satu peraturan hidup yang selari dengan fitrah manusia dan hakikat jiwa mereka. Namun begitu, mutakhir ini terdapat satu kecenderungan seksual yang dilihat semakin agresif dan jelas menyongsang dari peraturan fitrah yang telah ditentukan oleh Islam. Kecenderungan ini diterjemahkan dengan satu ungkapan ringkas iaitu LGBT.

Islam, secara jelas menolak LGBT dan umat Islam memandangnya sebagai salah satu dosa besar kerana terdapat banyak dalil dari ayat al-Quran dan hadis yang mengeji perbuatan ini. Asasnya, umat manusia ini diciptakan oleh Allah Taala secara jelas jantinya, lelaki dan perempuan dan ia dijadikan secara berpasang-pasangan. Sekiranya berlaku ketidakjelasan kelamin, ia disebut sebagai khunsa. Sebagaimana maksud firman Allah s.w.t “Lalu Allah menjadikan daripadanya sepasang: laki-laki dan perempuan (al-Qiyāmah: 39). Terdapat banyak dalil-dalil dari al-Quran dan hadis yang mengharamkan LGBT ini, antaranya adalah tempelakan Allah s.w.t kepada kaum Nabi Lūṭ. Maksud firman Allah: “Dan Nabi Lut ketika ia berkata kepada kaumnya: Patutkah kamu melakukan perbuatan keji, yang tidak pernah dilakukan oleh seorang pun di dunia ini? Sesungguhnya kamu mendatangi lelaki untuk memuaskan nafsu mu bukan kepada wanita, bahkan kamu ini adalah kaum yang melampaui batas.” (al-A‘rāf : 80-81). Selain itu, firman Allah s.w.t. yang bermaksud: “Patutkah kamu melakukan hubungan jenis dengan lelaki dari kalangan manusia? Dan kamu tinggalkan apa yang diciptakan oleh tuhan kamu untuk kamu (melakukan hubungan yang halal) dari badan isteri-isteri kamu? Kamu orang-orang yang bersalah, bahkan kamu ialah kaum yang melampaui batas (keinginan kebanyakan haiwan).” (al-Shu‘arā’: 165-166) Dan kaumnya pun datang meluru kepadanya (dengan tujuan hendak mengganggu tetamunya), sedang mereka sebelum itu sudah biasa melakukan kejahatan. Nabi Lut berkata: "Wahai kaumku! di sini ada anak-anak perempuanku mereka lebih suci bagi kamu (maka berkahwinlah Dengan mereka). Oleh itu takutlah kamu kepada Allah, dan janganlah kamu memberi malu kepadaku mengenai tetamu-tetamuku. Tidakkah ada di antara kamu seorang lelaki yang bijak berakal (yang dapat memberi nasihat)? (Hūd, 11: 78)

Allah s.w.t. telah menjelaskan di dalam al-Quran berhubung kisah dan azab ke atas kaum Nabi Lut a.s. Kaum Nabi Lut a.s yang ingkar dan melakukan hubungan sejenis (homoseksual) telah dibinasakan. Namun manusia seperti itu tetap wujud didalam kehidupan manusia sekarang. Ternyata tidak mengambil iktibar dari kisah kaum Nabi Lut ini, bahkan yang menyedihkan ia dilakukan oleh umat Islam sendiri yang meyakini adanya Tuhan dan hari Akhirat. Nabi Muhammad s.a.w juga mengeji perbuatan songsang ini dalam rangkaian hadis-hadis baginda. Antaranya hadis yang diriwayatkan daripada Abū Mūsā al-Ash'arī :

لَا تُبَاشِرُ الْمَرْأَةَ الْمَرْأَةَ إِلَّا وَهِيَ زَانِيَةٌ، وَلَا يُبَاشِرُ الرَّجُلَ الرَّجُلَ إِلَّا وَهُمَا زَانِيَانِ.

Maksudnya: Tidaklah seorang wanita itu bersedap-sedapan dengan seorang wanita melainkan mereka adalah berzina, dan tidaklah seorang lelaki bersedap-sedapan dengan seorang lelaki melain mereka juga (sedang berzina).¹

Kemudian, hadis Riwayat Ibnu 'Abbās (r.a):

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَنْ وَجَدْتُمُوهُ يَعْمَلُ عَمَلِ قَوْمِ لُوطٍ فَاقْتُلُوا الْفَاعِلَ وَالْمَفْعُولَ بِهِ.

Maksudnya: “Siapa saja yang engkau dapati mengerjakan amalan kaum Lut, maka bunuhlah kedua-dua pelakunya.”²

Hadis Ibnu Abbas (r.a):

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ ، قَالَ : لَعَنَ اللَّهُ مَنْ وَقَعَ عَلَى بَحِيمَةٍ، لَعَنَ اللَّهُ مَنْ عَمِلَ عَمَلِ قَوْمِ لُوطٍ، لَعَنَ اللَّهُ مَنْ عَمِلَ عَمَلِ قَوْمِ لُوطٍ.

Maksudnya: “Allah SWT melaknat sesiapa saja yang melakukan perbuatan kaum Luh, (baginda mengulanginya tiga kali).”³

¹Ahmad bin Hanbal Abu 'Abd Allah al-Syaibani (t.t), *Musnad al-Imam Ahmad bin Hanbal*, no. 4157, j.4, hlmn 266. Menurut pendapat al-Arna'ut, hadis ini sahih tetapi sanadnya terputus.

²Muhammad bin Abdullah al-Hakim al-Naysaburi (1990), *Mustadrak 'ala al-Sahihayn, Kitab al-Hudud*, no.8047, j.4, Bayrut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm.395, Sulayman bin al-Ash'ath Abu Dawud al-Sijistani al-Azdi, *Sunan Abi Daud, Kitab al-Hudud*, no.4462, j.2, (ttp:): Dar al-Fikr, hlm.564.

³Ahmad bin Hanbal al-Syaibani (t.t), *Musnad Ahmad*, no.2817, j.1, Kaherah: Mu'assasah Qurtubah, hlm.309.

Begitu juga kedua-dua hadis dibawah yang melarang lelaki menyerupai wanita atau wanita menyerupai lelaki:

لَعَنَ الْمُتَشَبِّهِينَ مِنَ الرِّجَالِ بِالنِّسَاءِ ، وَالْمُتَشَبِّهَاتِ مِنَ النِّسَاءِ بِالرِّجَالِ

Maksudnya: Rasulullah SAW melaknat lelaki yang menyerupai wanita dan wanita yang menyerupai lelaki.⁴

وَلَعَنَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرَّجُلَ يَلْبَسُ ثِيَابَ الْمَرْأَةِ ، وَالْمَرْأَةَ تَلْبَسُ ثِيَابَ الرَّجُلِ

Maksudnya: Rasulullah SAW melaknat lelaki yang memakai pakaian wanita dan wanita yang memakai pakaian lelaki.⁵

Amalan ini dalam bentuk yang keterlaluan membawa kepada penukaran jantina atau trans-gender yang sememangnya dilarang oleh Islam. Islam hanya membenarkan penukaran jantina bagi kaum khunsa iaitu kaum yang memiliki dua jantina sejak lahir lagi. Kaum khunsa diberi hak untuk memilih jantina yang sesuai dengan mereka. Walaupun begitu, Islam mengharamkan dan menolak sama sekali penukaran jantina bagi yang sudah sedia lahir dalam keadaan normal.

Larangan Islam terhadap gaya hidup homoseksual menunjukkan bahawa LGBT hakikatnya bukan sekadar masalah moral, sebaliknya dalam neraca Islam sebagai al-Dīn, ia mempunyai kaitan langsung dengan amalan beragama orang Islam. LGBT adalah suatu amalan yang dilarang secara jelas sama ada di dalam Quran mahupun Hadis. Pengiktirafan kumpulan LGBT dan membenarkan perkahwinan sesama jantina akan menimbulkan kekeliruan dalam kehidupan sosial umat Islam. Apatah lagi kebanyakan pensyariaan Islam juga mempunyai kaitan dengan fitrah ketetapan jantina manusia seperti aurat, perkahwinan, nasab atau keturunan, farā'id (pembahagaian harta pusaka) dan lain-lain lagi.

Malaysia dan LGBT

Istilah LGBT adalah merujuk kepada akronim lesbian, gay, bi-seksual dan trans-seksual. Ia adalah singkatan bagi pengenalan diri berdasarkan kepada orientasi seks. Umumnya, kegiatan mereka mempunyai kaitan dengan keinginan manusia untuk merubah fitrah asal kejadian mereka kepada

⁴ Hadis Riwayat al-Bukhari, *Kitab al-Libas, Bab al-Mutasyabbahun bi al-Nisa' wa al-Mutasyabbahat bi al-Rijal*, no.5435.

⁵Muhammad bin Abdullah al-Hakim al-Naysaburi (1990), *Mustadrak 'ala al-Sahihayn, Kitab al-Libas*, no.7415, j.4, Bayrut : Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, hlm.325. Sulayman bin al-Ash'ath Abu Dawud al-Sijistani al-Azdi, *Sunan Abi Daud, Kitab al-Libas*, no.4098, j.2, (ttp:): Dar al-Fikr, hlm.458.

personaliti yang bertentangan. Dalam konteks kontemporari, LGBT difahami sebagai sebuah kumpulan atau gerakan yang aktif membantu dan memperjuangkan hak mereka dalam kehidupan masyarakat kini. Merujuk kepada Kamus Dewan edisi keempat, istilah gay adalah golongan lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya, lelaki homoseksual; lesbian merujuk kepada perempuan yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya, perempuan homoseksual; biseksual adalah seseorang yang mempunyai kecenderungan untuk melakukan hubungan seks dengan lelaki dan juga wanita; trans-seksual pula adalah seorang (lelaki atau perempuan) yang berperasaan dan berpenampilan sebagai anggota jantina yang satu lagi, dan kadang-kadang menukar organ jantintanya melalui pembedahan.

Selain itu, menurut Blanch Consulting, lesbian didefinisikan sebagai seorang perempuan yang tertarik secara emosional, seksual, fizikal terhadap perempuan lain (Perry N.Halkitis et.al, 2009). Menurut persepektif Islam, lesbian dikenali dengan istilah musahaqah. Oleh yang demikian, lesbian merupakan hubungan songsang dan luar tabi'e diantara wanita dan wanita. Istilah gay juga dikenali sebagai homoseksual didefinisikan sebagai golongan lelaki yang mempunyai tarikan seksual terhadap kaum sejenisnya (Joyce M. Hawkins, 2014). Gay juga membawa pengertian yang lebih kurang sama dengan lesbian iaitu hubungan songsang dan luar tabi'e yang dipraktikkan di antara lelaki dan lelaki. Berdasarkan kepada Sexual Orientation, Homosexuality and Bisexuality, American Psychological Association (8 Ogos 2013), biseksual bermaksud amalan hubungan seks bebas antara pasangan sesama lelaki atau sesama perempuan. Pasangan yang dinyatakan di sini termasuklah pasangan yang menjalankan hubungan seks sebelum berkahwin atau oleh pasangan yang sudah berkahwin. Transgender pula berlaku apabila pengalaman yang dialami oleh seseorang individu yang merasa tidak selesa dengan jantina semulajadinya (anatomi seks yang dimilikinya). Individu tersebut dikatakan mempunyai keinginan serta kecenderungan untuk menukar imej badan dan identitinya termasuk cara hidup dan tingkah laku seperti jantina yang berlawanan dengan dirinya. Coyle dan Kitzinger (2002) menjelaskan bahawa ciri utama transgender atau transeksualisme adalah kumpulan yang memperkenalkan diri keseluruhannya dengan jantina yang berlawanan dengan kelahirannya sendiri. Lelaki transeksual sering beranggapan bahawa mereka adalah wanita yang terperangkap di dalam jasad lelaki. Di Malaysia, terma transeksual digunakan bagi merujuk transeksual lelaki iaitu lelaki yang ingin menjadi wanita, dan juga transeksual wanita iaitu wanita yang ingin menjadi lelaki dalam segala aspek kehidupan (Yik, 2001).

Di Malaysia, istilah LGBT telah mula digunakan secara meluas pada era 90-an. Pergerakan mereka bertujuan untuk mendapatkan hak-hak kumpulan yang memperjuangkan homoseksual iaitu individu yang tertarik atau mempunyai kecenderungan seksual terhadap jantina yang sama. Oleh kerana bertentangan dengan orientasi seks yang normal, LGBT adalah kumpulan minoriti dalam masyarakat. Walaupun begitu, kumpulan ini giat mempromosikan dan menzahirkan diri mereka dalam usaha untuk menuntut hak-hak yang sewajarnya dalam kehidupan sosial. Senario dalam kehidupan masyarakat moden juga memperlihatkan bahawa mereka yang menyokong pergerakan menuntut hak-hak homoseksual adalah mereka yang diiktiraf sebagai pejuang hak asasi manusia dan sebaliknya. Oleh yang demikian, Ambiga Sreevanasan, seorang yang telah mendedikasikan hidupnya untuk memperjuangkan hak asasi manusia dan hak LGBT di Malaysia telah berjaya meraih penghormatan dan menerima penghargaan dari berbagai pihak di peringkat antarabangsa. Beliau telah menerima anugerah *International Women of Courage* pada tahun 2009 oleh kerajaan Amerika, dan anugerah tertinggi Perancis, *Chevalier de Legion d'Honneur (Knight of the Legion of Honour)* daripada kerajaan Perancis.

Kumpulan yang memperjuangkan hak LGBT mengusulkan supaya Seksyen 377A-D Kanun Keseksaan (Akta 574) yang mengharamkan liwat dan seks songsang luar tabi'i dimansuhkan kerana pengharaman tersebut bertentangan dengan prinsip kebebasan manusia yang menjadi tonggak himpunan Seksualiti Merdeka di Malaysia. Pada dasarnya, kelompok LGBT di seluruh dunia menuntut 8 perkara utama, iaitu;

- i. aktiviti seks sesama jantina (tidak mengambil kira soal haram atau halal).
- ii. pengiktirafan terhadap hubungan sesama sejenis atau berlainan jenis.
- iii. perkahwinan sesama jantina.
- iv. pengambilan anak angkat.
- v. membenarkan gay untuk berkhidmat dalam tentera.
- vi. membenarkan lesbian untuk berkhidmat dalam tentera.
- vii. anti diskriminasi berdasarkan orientasi seksual.
- viii. memperjuangkan undang-undang untuk identiti gender dan ekspresi gender.

Pertubuhan LGBT yang terbesar di dunia ialah *International Lesbian, Gay, Bisexual, Trans and Intersex Association* (ILGA). ILGA memayungi kebanyakan pertubuhan LGBT di seluruh dunia yang mempunyai matlamat yang sama. Pertubuhan-pertubuhan LGBT di seluruh dunia aktif memperjuangkan hak kumpulan mereka dan mengumpulkan ahli-ahlinya. Di

Asia Tenggara seperti di Singapura, kumpulan LGBT menubuhkan kumpulan yang bernama *People Like Us* (PLU) untuk menguruskan aktiviti-aktiviti mereka manakala di Malaysia kumpulan Seksualiti Merdeka dilihat sebagai organisasi yang giat mempromosikan agenda LGBT.

Seksualiti Merdeka sentiasa berusaha untuk mengubah kehidupan sosial serta penerimaan undang-undang berkenaan dengan kepelbagaian orientasi seksual di Malaysia. Hal ini adalah merujuk kepada arena antarabangsa yang memberikan hak kesamaan dan mengkritik hukuman undang-undang terhadap kumpulan minoriti iaitu mereka yang mempunyai orientasi seks yang tidak dominan dan berbeza dengan kumpulan majoriti. Kerajaan Malaysia dalam kenyataannya menjelaskan bahawa pihak berkuasa serius dalam usaha dan ingin menangani gejala LGBT berikutan terdapat usaha untuk menuntut agar golongan lesbian, gay, bi-seksual dan tran-seksual (LGBT) diiktiraf pada tahun 2012. Walaupun begitu, kegiatan dan gerakan LGBT masih juga aktif disebabkan oleh kemudahan dan keterbukaan yang terdapat dalam media sosial seperti *Facebook*, *Youtube* dan *Twitter* menjadi pilihan kumpulan LGBT untuk mempromosikan agenda mereka dan juga membina jaringan (Kamal Azmi Abd Rahman et. al 2015). *Salzburg Academy on Media and Global Change* juga menyatakan bahawa gerakan LGBT dunia menggunakan kemudahan media sosial untuk membentuk penerimaan masyarakat dunia terhadap isu-isu yang berkaitan dengan LGBT. Berdasarkan pemerhatian umum dengan merujuk kepada laman sesawang www.ranker.com dengan kata kunci '*Top LGBT Social Networks*' terdapat 64 buah laman sosial yang aktif digunakan di Malaysia. Berdasarkan kajian Kamal Azmi et al (2015), penglibatan masyarakat Melayu mencatatkan peratusan yang kedua tertinggi (19%) selepas masyarakat Cina (70%).

Metodologi Dakwah Terhadap Golongan LGBT

Metodologi berasal dari perkataan metode. Metode bererti cara melakukan sesuatu atau sistem. Terdapat beberapa perkataan dalam Bahasa Arab yang sangat dekat dengan pengertiannya dengan metode iaitu *uslūb*, *manhaj* serta *wasīlah*. Berdasarkan pengertian-pengertian tersebut, metodologi dakwah itu bererti ilmu yang bersifat kajian dan sistematik mengenai cara dakwah, atau dengan ringkas disebut ilmu atau kajian tentang cara dakwah. Ia juga boleh diertikan sebagai sains cara dakwah atau kajian cara dakwah. (Ab.Aziz Mohd Zin, 2001). Mengetahui metodologi dalam dakwah adalah amat penting dan tidak boleh dipisahkan daripada aktiviti dakwah. Jika kandungan dan mesej dakwah tersebut adalah bermanfaat, maka metodologi dalam penyampaian dakwah juga tidak boleh diabaikan (Mohd. Zin 2005: 5). Ia juga merupakan

kayu ukur atau penentu dalam keberkesanan dakwah yang dilakukan. Perkara asas yang berkaitan dengan metodologi dakwah ini telah disebut dalam firman Allah SWT yang bermaksud: “Serulah (manusia) kepada jalan Tuhan-mu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik. Sesungguhnya Tuhanmu, Dialah yang lebih mengetahui tentang siapa yang tersesat dari jalan-Nya dan Dialah yang lebih mengetahui orang-orang yang mendapat petunjuk” (al-Nahl 16: 125). Ayat tersebut menjelaskan bahawa perkara utama yang harus ada dalam metodologi dakwah Islam ialah melalui cara berhikmah, pelajaran dan nasihat yang baik, atau dengan cara berdialog, perbincangan dan perbincangan yang baik (Mohd. Zin 2005: 8). Selain itu, metode dakwah yang terakhir iaitu perbincangan atau perbincangan dengan cara yang baik (*mujādalah ḥusna*) merupakan metode dakwah yang boleh diaplikasikan terhadap goongan bukan Islam (Ibrahim 1998: 5).

Dalam menyampaikan dakwah yang berkesan, metodologi atau pendekatan yang dipilih mestilah bersesuaian dan efektif agar dapat menarik minat sasaran dakwah. Kesilapan dalam memilih metodologi yang sesuai menyumbang kepada kegagalan dalam aktiviti dakwah yang dilaksanakan. Oleh itu, dalam mendepani kumpulan LGBT, pendakwah seharusnya dapat memilih metode yang sesuai agar matlamat dakwah tercapai. Di Malaysia, Pertubuhan Amal Firdausi (PAFI) merupakan sebuah organisasi dakwah bukan kerajaan yang komited menumpukan kerja-kerja dakwah kepada golongan terpinggir, golongan yang telah diskriminasikan oleh masyarakat iaitu golongan lesbian, gay, biseksual dan transgander. Berdasarkan temubual yang telah dijalankan bersama penggerak dakwah dan presiden Pertubuhan Amal Firdausi (PAFI) iaitu Mohd Rafi Bin Jaafar pada 7 Julai 2015 dan Hamli bin Hamdan pada 14 Februari 2016, terdapat lima metodologi yang telah dilaksanakan oleh PAFI dalam dakwah terhadap golongan LGBT iaitu metodologi dakwah bi *al-ḥāl*, metodologi dakwah melalui hiburan, metodologi dakwah melalui pembinaan sosial dan metodologi dakwah melalui pembangunan sahsiah.

1. Metodologi bi al-Hal

Setiap perilaku dan amalan harian para pendakwah dan umat Islam hendaklah mencerminkan kesucian Islam yang menjamin kesejahteraan dan ketenteraman sejagat. Setiap tindakan akan dilihat oleh sasaran untuk dinilai. Dengan kata lain, tingkahlaku dan tindakan harian merupakan suatu dakwah *bi al-ḥāl*. Oleh sebab itu, tindakan dan tingkahlaku mestilah berasaskan nilai tauhid, mengikut syariat Islam, melambangkan kemurnian Islam serta berbentuk ajakan kepada kesempurnaan Islam (Berhanundin bin. Abdullah

2009). Secara etimologinya, dakwah *bial-hal* merupakan gabungan dari kata dua kata iaitu kata dakwah dan *al-hāl*. Kata dakwah artinya menyeru, memanggil. Sedangkan kata *al-hāl* berarti keadaan. Jika dua kata tadi dihubungkan maka dakwah *bil al-hāl* mengandungi erti memanggil, menyeru dengan menggunakan keadaan, atau menyeru, mengajak dengan perbuatan nyata. Dakwah *bil al-hāl* adalah dakwah dengan perbuatan nyata seperti yang dilakukan oleh Rasulullah SAW, terbukti bahwa pertama kali tiba di Madinah yang dilakukan adalah pembangunan Masjid Quba, mempersatukan kaum Anshor dan Muhajirin dalam ikatan ukhuwah islamiyah dan seterusnya (Dra Siti Muru'ah, 2000).

Dakwah *bi al-hāl* lazimnya dilaksanakan dalam ruang lingkup penerapan nilai-nilai Islam dalam amalan dan cara hidup sesuatu masyarakat. Oleh yang demikian, dakwah *bi al-hāl* sering menumpukan usaha-usaha pembinaan akhlak baik dalam kalangan masyarakat. Misalnya, penerapan amalan bersatu padu, toleransi, nilai teladan baik, tolong menolong, menghormati orang lain dan sebagainya. Lazimnya, pendakwah yang mengamalkan dakwah *bi al-hāl* perlu memperteguh diri dengan amalan, akhlak dan nilai yang baik, sebelum sering contoh ikutan sasaran dakwah. Perasaan rendah diri, suka berkongsi ilmu, memahami perasaan orang lain dan sebagainya. Oleh demikian, dakwah *bi al-hal* sering menumpukan usaha-usaha pembinaan akhlak baik dalam kalangan masyarakat. Misalnya penerapan amalan bersatu padu, toleransi, nilai teladan baik, tolong menolong, menghormati orang lain dan sebagainya (Ab. Aziz Mohd Zain, 2001).

Dalam konteks perlaksanaan dakwah di Malaysia, pendekatan dakwah *bi al-hāl* dilaksanakan dalam beberapa amalan, sama ada pendekatan ini dikemukakan kepada masyarakat Islam atau masyarakat bukan Islam. Metode ini juga sesuai dijalankan kepada kumpulan minoriti seperti golongan mak nyah Muslim. Antara pendekatan dakwah yang telah dikemukakan adalah seperti berikut (Rozi bin. Zakaria, 2003):

- i. Membina hubungan peribadi (pergaulan)
- ii. Mengadakan perbincangan tentang Islam
- iii. Sering menziarahi sasaran dan mengadakan ziarah ke rumah mak nyah Muslim yang lain.

Pertubuhan Amal Firdausi (PAFI) juga menggunakan pendekatan dakwah *bil-hal*. Ini kerana PAFI tidak mengamalkan unsur paksaan kepada golongan komuniti ini untuk berubah. Mereka mahukan golongan komuniti ini berubah dengan cara yang semula jadi agar ia berkekalan. Jika PAFI

mengambil pendekatan memaksa golongan ini untuk berubah. Maka golongan ini berubah dengan cara terpaksa dan tidak rela untuk berubah. Apabila golongan ini tidak dipantau oleh PAFI, dengan ini mereka berubah semula kepada kesalahan mereka yang lama. (Noor Hafizah, 2016)

PAFI juga menyampaikan nasihat yang baik dan mudah difahami pengertiannya. Sebagai contoh bila pihak PAFI mendapati klien melakukan perkara yang tidak betul secara tidak langsung mereka bertanggungjawab menasihatinya supaya tidak melakukan perkara tersebut. Namun ia juga mengandungi pelbagai bentuk atau cara dan keadaan bagaimana untuk kita mempraktikkan. Selain itu, menanamkan konsep satu keluarga bagi kumpulan komuniti yang mahukan perubahan yang lebih baik. PAFI menggalakkan kepada golongan komuniti ini agar dapat berkongsi masalah dan menyelesaikan bersama-sama. Selain menunjukkan sahsiah yang baik, konsep ini juga dapat diperlihatkan dan menunjukkan bahawa golongan mereka ini masih ada harapan lagi untuk berubah dan menjadi yang lebih baik daripada masyarakat yang mencemuh mereka. Pendekatan berdiam diam diri bagi golongan yang terlalu ekstremis memperjuangkan hak asasi manusia juga dijalankan tetapi dalam masa yang sama tidak memutuskan hubungan. Ia bertujuan agar golongan komuniti ini akan tertarik kepada perubahan apabila kesedaran itu sudah mula terbina di dalam hati mereka. (Encik Hamli bin. Hamdan, 14 Februari 2016. Jam 10.00pg).

Dakwah *bi al-hāl* menuntut ejen dakwah untuk menggunakan pendekatan psikologi kerana ia membawa pengaruh dan kesan yang besar kepada sasaran (Abd. Aziz Mohd Zin, 2001). Ahli psikologi menyenaraikan beberapa perkara yang boleh menarik seseorang iaitu seperti sesuatu yang cantik, jelas dan nyata, pelik dan menakjubkan, berulang-ulang, bergerak dan mudah (Mahmood Nazar, 1992). Pendekatan ini dianggap penting memandangkan golongan sasar dalam beberapa keadaan terlalu sensitif. Justeru, sebagai pendakwah yang ingin mendekati golongan komuniti ini, kefahaman terhadap psikologi dianggap penting. Justeru, PAFI sentiasa berhikmah dalam setiap program yang dilaksanakan melibatkan golongan komuniti. PAFI juga tidak meletakkan jurang dan meletakkan stigma negatif terhadap golongan komuniti. Dalam konteks psikologi, seseorang itu akan lebih tertarik dengan kelembutan dan panggilan yang tidak meletakkan jurang antara mereka. Maka tidak hairanlah, PAFI diterima oleh kumpulan komuniti ini. (Encik Hamli bin. Hamdan, 14 Februari 2016. Jam 10.00pg).

2. Metodologi Dakwah Melalui Hiburan

Antara unsur fitrah yang diminati ramai pada waktu ini adalah hiburan atau seni muzik. Pada dasarnya, Islam membenarkan penganutnya menikmati seni hiburan. Hiburan Islam tidak terhad kepada nasyid sahaja malah ia merangkumi seni muzik yang lain selagi mana menepati kriteria-kriteria yang digariskan oleh para ulama'. Pendekatan dakwah melalui seni hiburan seharusnya dikembangkan dalam bentuk yang pelbagai, antaranya mewujudkan hiburan alternatif melalui proses islamisasi seni muzik. Hari ini, pengaruh sekular semakin menular ke dalam seni muzik menyebabkan seni muzik yang dinikmati bukan lagi untuk mencari ketenangan dan mengabdikan diri kepada Allah S.W.T , tetapi ia semata-mata untuk berhibur, bersukaria, melepaskan hawa nafsu dan ingin bebas daripada kongkongan agama. Seni muzik seumpama inilah yang membawa kepada maksiat kerana sudah hilang matlamat asalnya (Mohammad Kamil Hj Ab Majid dan Muhammed Yusof, 2005).

Pemanfaatan hiburan bagi tujuan dakwah merupakan satu usaha yang sepatutnya dipandang serius oleh semua pihak. Ini kerana ia bukan sahaja berperanan memenuhi tuntutan fitrah manusia yang inginkan ketenangan dan hiburan, malah ia dilihat mempunyai potensi yang besar dalam mempengaruhi pemikiran dan gaya hidup masyarakat dan seterusnya mencorakkan budaya sesebuah bangsa. Selain itu, ia juga mampu mengubah pemikiran dan tingkah laku sasaran kepada sesuatu yang positif (Mohammad Kamil Hj Ab Majid dan Muhammed Yusof, 2006). Melalui pendekatan ini juga, bukan mesej Islam yang terkandung dalam lirik lagu sahaja yang memberi impak kepada pendengar, malah gaya hidup, penampilan, corak pemakaian, muamalah penghibur juga menjadi ikutan dan idola mereka. Oleh itu, walaupun ia dilihat menampilkan seni hiburan Islam, namun pada masa yang sama banyak mesej lain yang dapat ditonjolkan termasuklah, fesyen pemakaian Islam, cara hidup Islam, pergaulan berimej Islam dan sebagainya.

Hiburan yang telah digariskan oleh pihak PAFI adalah melalui pendekatan seni muzik jalanan atau lebih popular adalah *busking* yang dapat memberi mesej-mesej yang berguna kepada golongan transgender dan juga masyarakat agar dapat memberikan mereka peluang untuk membuat perkara-perkara yang baik lagi berfaedah. Bentuk lagu yang ingin disampaikan oleh para penyanyi nasyid yang telah dilantik oleh PAFI hendaklah mempunyai lirik yang menarik dan mempunyai tempo yang sedap dan tenang untuk didengari. Di dalam tempo lagu yang ingin hendaklah disampaikan daripada gabungan alunan muzik pop dan jazz. Tidak terlalu keras dan tidak terlalu

lembut. Penulis melihat daripada mata kasar bahawa penyanyi nasyid pada masa kini di Malaysia masih lagi menggunakan elemen “ *slow tempo*”. Ini menyebabkan para pendengar tidak tertarik akan mesej yang ingin disampaikan. Secara tidak langsung segala usaha yang dilakukan melalui dakwah hiburan adalah tidak berhasil dengan sempurna. Penerimaan masyarakat pada masa kini adalah melalui alunan muzik yang berkonsepkan “ *pop dan jazz*”. PAFI menyatakan bahawa program melalui hiburan banyak juga membantu dari segi kesedaran kepada golongan transgender. Cuma apa yang perlu adalah memperbaiki dari segi metode-metode yang lain dengan lebih berkesan. (Encik Hamli bin. Hamdan, 14 Februari 2016. Jam 10.00pg).

3. Metodologi Dakwah Melalui Pembinaan Sosial

Secara fitrah, manusia suka hidup bersama dan berkumpul. Manusia tidak dapat bersendirian dalam semua masa. Manusia memerlukan antara satu sama lain untuk hidup. Dengan itu manusia adalah masyarakat sosial kerana manusia sentiasa berinteraksi antara satu sama lain (Thompson dan DeBold 1971). Dakwah untuk membina manusia melakukan hubungan baik dengan Allah dan sesama manusia, supaya ia berada dalam keadaan yang betul dan seimbang. Dalam hubungan baik sesama manusia, dakwah mengarahkan orang islam supaya bergaul dan berinteraksi dengan baik, bertolongan untuk sama-sama menegakkan kebaikan dan menghindarkan keburukan, tegur menegur dan nasihat menasihati di kalangan anggota untuk membina keadilan dan kesejahteraan hidup, membina satu jamaah Islam dan hidup dalam ikatan persaudaraan yang utuh, seperti sebuah tubuh badan. Sebelum itu, telah disentuh bahawa dalam kehidupan sosial, manusia didorong oleh kehendak-kehendak individu yang ingin tahu, berlumba-lumba untuk mencapai sesuatu perkara dengan lebih baik.

Dakwah membina manusia dalam kehidupan sosial mereka dengan caranya tersendiri. Program-program sosial yang diatur adalah selaras dengan tabiat mereka yang merupakan masyarakat sosial dan menjadi satu dorongan kepada generasi masa depan. Melalui pemerhatian penulis terhadap pergerakan kerja yang dijalankan oleh pihak PAFI bahawa mereka menjadikan golongan komuniti yang sudah berubah di bawah jagaan pihak PAFI untuk lebih mendekati golongan komuniti yang masih lagi tidak berubah agar mereka dipengaruhi oleh kumpulan tersebut. Mungkin golongan transgender yang belum menemui jalan yang lurus ini akan memikirkan bahawa sampai bila mereka akan jadi begini. Dalam masa yang sama mereka akan bercelaru tentang apa yang telah lakukan. Secara tidak langsung mencari rakan yang

rapat untuk mendapatkan khidmat nasihat. Nampak seperti perkara yang mudah tetapi memberi impak yang besar kepada sasaran dakwah.

Selain itu, pihak PAFI ini menggalakkan golongan komuniti yang sudah berubah kearah kebaikan bahawa mengikuti program-program amal yang dijalankan oleh PAFI secara sukarela. Masyarakat akan lebih menerima mereka jika mereka lebih memberi sumbangan pada masyarakat sekeliling. Antara program sukarela yang dianjurkan oleh PAFI yang disertai oleh golongan transgender ini adalah gotong royong di perkampungan orang asli, beramal di rumah jagaan orang-orang tua, dan juga rumah perlindungan HIV/AIDS. PAFI menerapkan konsep pemahaman yang sangat unik iaitu "*tidak mencari persamaan tetapi menanggapi perbezaan*". Setelah penulis melihat dan memahami akan konsep ini, penulis sedar bahawa kita sebagai masyarakat tidak perlu mencari persamaan antara golongan transgender ini. Jika kita sibuk mencari persamaan antara kita dan mereka, maka kita akan lihat sesuatu yang negatif terhadap mereka. Perlulah juga menangani perbezaan antara golongan komuniti ini dan golongan yang normal. Kita harus menanggapi perbezaan antara mereka agar mereka lebih senang untuk golongan ini memahami apa yang perlu dan tidak berasa janggal terhadap masyarakat ketika proses perubahan kearah kebaikan sedang berjalan.

4. Metodologi Dakwah Melalui Pembangunan Sahsiah

Sahsiah merupakan perkataan Bahasa Arab yang membawa maksud keperibadian atau peribadi (Kamus Dewan, 2011). Ia juga menggambarkan sifat personaliti unik individu yang membezakan dirinya dengan individu yang lain (Cloninger, 2008). Namun, Abdul Majid dan Rahil (1995) mendefinisikan sahsiah sebagai perkaitan antara penilaian, perasaan, emosi dan perlakuan manusia. Pembangunan sahsiah merujuk kepada aspek perubahan pada diri manusia itu sendiri sama ada perubahan itu ke arah positif atau negatif (Wan Azmi, 1992). Perubahan yang positif akan membentuk individu yang berdikari dengan segala nilai positif yang murni. Pembangunan sahsiah juga membawa makna membina akhlak, peribadi dan tingkah laku dengan matlamat menjadikan seseorang itu bertamadun, intelek, murni dan berdaya maju (Mohd Nasir et al. 2006). Dalam perspektif Islam, pembangunan sahsiah bukan sahaja dilihat dari aspek jasmani, tetapi juga merangkumi seluruh aspek rohani, naluri dan akal individu. Menurut Shahabuddin dan Rohizan (2007), sahsiah juga bermaksud akhlak. Akhlak terbahagi kepada dua bahagian iaitu akhlak terpuji dan akhlak tercela. Islam memberi penekanan penting kepada kedua-dua akhlak tersebut. Menurut Habibah dan Noran Fauziah (1997), sahsiah bermakna personaliti atau secara

umumnya akhlak. Mereka berpendapat bahawa faktor-faktor lain yang dianggap penting dalam pembangunan sahsiah ialah hubungan manusia dengan Allah s.w.t, interaksi roh dan jasmani serta peranan akal. Mohd Ismail (1999) menyatakan bahawa proses pembangunan sahsiah pada insan cemerlang terdiri daripada proses pembangunan insan yang cemerlang, diikuti dengan proses pembangunan anak cemerlang serta proses pembangunan individu cemerlang.

Abdullah Nashih (1994) mendefinisikan pembangunan sahsiah kepada empat unsur dasar iaitu pembinaan akidah (kepercayaan), ibadah (ritual), akhlak (etika dan moral) dan penampilan . Keempat-empat unsur dasar ini telah mengaitkan sahsiah dengan aspek kerohanian atau dalaman manusia. Aspek dalaman boleh dilihat menerusi penampilan atau tingkah laku luaran. penampilan inilah yang dinamakan akhlak iaitu terjemahan dari akidah dan amalan atau ibadah seseorang. Tingkah laku luaran individu adalah berasaskan kepercayaan atau akidah yang dikenali sebagai akhlak. Maka, menerusi pembinaan akhlak inilah hakikat manusia itu hendak dibina. Menurut Iman Al Ghazali (1989), pembangunan sahsiah merangkumi keseluruhan aspek diri individu iaitu melibatkan pengetahuan agama, akidah, penghayatan Al-Quran, adab kehidupan berkeluarga, mencari rezeki, perhubungan sesama manusia, akhlak, budi pekerti dan pembangunan jiwa serta hati. Miskawah (1966) pula mempunyai definisi yang berbeza terhadap pembangunan sahsiah iaitu suatu keadaan (sikap) diri yang mendorong seseorang bertindak melakukan perbuatan serasi dengannya tanpa merenung atau berfikir panjang. Dengan kata lain, sifat yang tertanam dalam diri individu yang dapat mengeluarkan sesuatu perbuatan dengan senang dan mudah tanpa melibatkan pemikiran, penelitian serta paksaan.

Dalam membentuk pembangunan sahsiah bagi golongan LGBT ini, pendekatan *tadrīj fī al-tashrī* (beransur-ansur dalam menerapkan syariat) telah digunakan oleh PAFI. Melalui pendekatan ini, pihak PAFI mengadakan kumpulan usrah bagi membentuk persekitaran yang sihat diantara mereka. Di dalam kumpulan usrah ini, golongan LGBT yang ingin berubah dari segi akhlak dan personaliti akan berkongsi cerita dan pangalaman mereka dalam menghadapi liku-liku kehidupan yang sangat mencabar. Kebanyakan golongan LGBT yang berada dibawah kelolaan PAFI ini dengan sukarela datang kepada mereka dan inginkan perubahan yang positif. Apabila golongan LGBT ini mula melihat akan tanggungjawab mereka yang perlu mereka tunaikan kepada masyarakat dan juga agama. Mereka akan sedar terhadap kesalahan yang telah mereka lakukan dan tidak mahu generasi yang akan datang mengikuti mereka. PAFI sentiasa memberi ruang dan peluang terhadap

golongan komuniti dan tidak memaksa mereka untuk berubah. (Encik Hamli bin. Hamdan, 14 Februari 2016. Jam 10.00pg).

Dalam usaha dakwah melalui pembangunan sahsiah, PAFI telah mengambil inisiatif mengadakan kelas fardhu ain dan juga kelas iqra'. Program ini bertujuan untuk memastikan golongan transgender memahami ilmu-ilmu asas sebagai orang Islam dan dapat mendekati diri kepada agama melalui ibadat-ibadat wajib. Program pengajian ilmu seperti ini melahirkan bekas-bekas golongan transgender yang berpengatahuan dalam bidang agama seperti masyarakat Islam yang lain. Kelas-kelas tersebut juga dijalankan secara tertutup untuk tidak membuka aib golongan ini kepada umum. Selain itu, PAFI juga berusaha untuk mendapatkan dana sara hidup daripada Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) untuk disalurkan kepada golongan LGBT terutamanya transgender dibawah kelolaan mereka sebanyak RM 250 sebulan. Ini disebabkan kebanyakan individu dalam kumpulan ini menjadi pekerja seks di sekitar Kuala Lumpur bagi mendapatkan wang sara hidup. Oleh yang demikian, dakwah ke arah pembangunan sahsiah kumpulan LGBT tidak terbantut disebabkan oleh aktiviti yang tidak sihat tersebut. (Encik Hamli bin. Hamdan, 14 Februari 2016. Jam 10.00pg).

Kesimpulan

LGBT adalah kumpulan manusia yang wujud di seluruh dunia. Kumpulan ini dianggap kumpulan minoriti yang mana bukan sekadar hidup dengan cara yang salah malahan turut memperjuangkan cara hidup tersebut supaya diterima oleh masyarakat secara global. Dalam perspektif Islam, gerakan dan perjuangan LGBT dianggap sebagai perjuangan yang menyalahi dasar dan prinsip agama. Walaupun begitu, dalam konteks kehidupan masyarakat majoriti Islam di Malaysia, perjuangan LGBT masih giat dijalankan oleh kelompok ini secara zahir ataupun terselindung. Oleh yang demikian, kegiatan dakwah harus diperkasakan dan diperluaskan agar tidak berlaku keciciran mad'u terutamanya kumpulan minoriti seperti kumpulan LGBT. Selain itu, para pendakwah juga haruslah menggunakan pendekatan yang efektif dan pelbagai dalam proses menyampaikan nilai-nilai hidup Islam yang sebenar kepada kumpulan LGBT dengan berkesan. Dengan mengambil pendekatan yang telah digunakan oleh Pertubuhan Amal Firdausi (PAFI), kajian mendapati bahawa antara pendekatan yang sesuai digunakan dalam aktiviti dakwah dalam menyantuni kumpulan LGBT ialah dakwah *bi al-hāl*, dakwah melalui hiburan, dakwah melalui pembinaan sosial dan dakwah melalui pembangunan sahsiah. Selain itu, pendakwah juga seharusnya menjauhkan diri mereka daripada sikap *judgemental* dan *stigma negatif* terhadap kumpulan

LGBT kerana ia merugikan medan dakwah dan mencipta jurang yang jauh antara ejen dakwah dan kumpulan sasar, iaitu kelompok LGBT.

Rujukan

- Ab.Aziz Mohd Zin.2001.Metodologi Dakwah.Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hassan Hamzah. 1996. Kamus Melayu Global. Shah Alam : Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd.
- Kamal Azmi Abd. Rahman et al. 2015. Profil Masyarakat Melayu Malaysia di Media Sosial yang Mempromosikan LGBT. *Isu-Isu Semasa Media dan Dakwah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka. 2007. Edisi keempat. Kuala Lumpur.
- Kamus Dewan. 1994. Edisi keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka:Kuala Lumpur.
- Lesbian and Gay Psychology: New Perspectives, Adrian Coyle (Editor), Celia Kitinger (Editor),
- Miskawayh. 1966. *Tahdhīb al-Akhlāq*. Beirut.
- Mohd. Kamil b. Hj Abd.Majid.1988. Cabaran Umat Dewasa Ini: Suatu Penyelesaian Menurut Islam. Kuala Lumpur : Fakulti Usuluddin Akademi Islam Universiti Malaya.
- Muhammad Idris Abdul Rauf Marbawi. 2006. Kamus Idris Marbawi Arab-Melayu. Kuala Lumpur:Darul Fikir.
- Noor Hafizah bt. Mohd Haridi (2016), Metodologi Dakwah Terhadap Golongan LGBT: Analisis Terhadap Persatuan Amal Firdausi (PAFI), Bangi:KUIS.
- Nor Raudah Hj. Siren .2006. Dakwah Islam Semasa: Konsep dan Perlaksanaan. Kuala Lumpur. Universiti Malaya.
- Perry N. Halkitis et.al, The Meanings and The Manifestations of Religion and Spirituality Among Lesbain, Bisexual and Transgender, *Journal Adult Development* 16(2), 2009.
- Social Media and Lgbt Community, Akses 30 Julai 2015, <http://www.salzburg.umd.edu/unesco/social-media-and-lgbt-community>
- Temubual bersama Encik Hamli bin. Hamdan, Presiden Pertubuhan Amal Firdausi (PAFI). Masjid Jamek Kuala Lumpur. 14 Februari 2016. Jam 10.00pg.
- The Encyclopaedia of Islam*. 1983. New Edition. Netherland: Reiden E.J.Brill. April 2002, Wiley-Blackwell.

Tolak Puak Lgbt, Akses 25 Julai 2015,
http://www.dakwah.com.my/v1/index.php?option=com_content&view=article&id=396:tolak-puak-lgbt&catid=86:topik&Itemid=357